

1991

Kuatkan semangat: PM

7
KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta umat Islam meneguhkan semangat di samping sanggup berkorban bagi mencapai cita-cita masa hadapan yang lebih mulia.

Katanya, banyak contoh dalam sejarah masa lalu menunjukkan kejayaan umat Islam dan masyarakat Islam hari ini juga boleh mengulangi kejayaan itu untuk menjadi umat yang disegani dan bermaruah tinggi jika sanggup berusaha.

"Apabila kita sudah berjaya, kejayaan yang dimiliki itu dengan sendirinya akan menjadi satu cara berdakwah yang berkesan," katanya

dalam perutusan sempena sambutan Maal Hijrah 1412.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, umat Islam juga perlu ikhlas dan bersungguh-sungguh mengukuhkan persaudaraan dan muafakat kerana ia mempunyai banyak hikmahnya.

"Masyarakat Islam yang kuat muafakatnya dan bersatu padu akan lebih kukuh di samping lebih mudah berjaya dan mampu menghadapi cabaran," katanya.

Di samping itu, Perdana Menteri juga meminta umat Islam meninggalkan segala perkara mungkar, sebaliknya membanyakkan amalan kebajikan serta berdoa kepada Allah supaya umat Islam di negara dan di seluruh dunia mendapat rahmat.